

UNTUK SIARAN SEGERA**KENYATAAN MEDIA****PENYERAHAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN JALAN KEPADA JKR**

SEREMBAN, 17 NOVEMBER 2020 – Perkhidmatan pembersihan jalan oleh **SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment)** di beberapa jalan utama perbandaran di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) sejak Januari 2020.

“Penyerahan perkhidmatan pembersihan tersebut yang melibatkan 1,449 jalan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 selaras dengan arahan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada semua syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Menurut Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), perkhidmatan pembersihan jalan-jalan tersebut dikeluarkan dari skop kerja syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah kerana jalan-jalan tersebut berada di bawah pentadbiran dan seliaan JKR serta di luar daripada skop Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672),” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin.

“Penamatan perkhidmatan pembersihan oleh SWM Environment ini melibatkan sebanyak 231 jalan JKR di Johor, 1,062 jalan JKR di Melaka dan 156 jalan JKR di Negeri Sembilan. Ia meliputi perkhidmatan pembersihan jalan dengan menggunakan jentera *road sweeper*, kutipan sampah, pemotongan rumput dan pembersihan longkang di sepanjang jalan JKR, termasuk semua jalan utama di pusat bandar”.

Tambah beliau lagi, dengan pengambilalihan perkhidmatan pembersihan oleh JKR, maka sebarang aduan atau isu kebersihan berhubung jalan JKR perlu diajukan kepada pihak yang berkaitan.

“Walaupun bagaimanapun, SWM Environment sedia bekerjasama dengan semua pihak dalam memberi penerangan kepada orang awam dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai penyerahan perkhidmatan pembersihan Jalan JKR. Di samping itu, SWM Environment sebagai syarikat konsesi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti di kawasan-kawasan seliaan kami,” katanya.

Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai jalan-jalan seliaan SWM Environment dengan menghubungi Talian Indah Malaysia 1-800-88-7472 (waktu operasi 8:00 pagi - 8:00 malam), menghantar mesej WhatsApp kepada 012 618 0082 atau emel kepada crmkl@swmsb.com.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bersepadu secara menyeluruh, terancang, kos efektif dan berkesan melalui aplikasi teknologi tinggi dan mesra alam yang terkini demi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatannya.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Di bawah kapasiti 3R (Reduce, Reuse, Recycle), SWM Environment mendidik orang ramai tentang kepentingan serta kaedah pengasingan sisa pepejal yang betul. Aktiviti seperti ceramah dan pameran kitar semula turut diadakan di sekolah, dewan bandar, pusat membeli-belah, blok pejabat dan kawasan awam.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran, KITAREcycle di tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle dari *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.